

08 DEC 1996

Mahathir-Saudi

LAWATAN PM KE SAUDI HASILKAN KERJASAMA YANG LEBIH LAGI

Oleh: Zulkefli Salleh

RIYADH, 8 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lawatan rasmi beliau ke Arab Saudi selama empat hari telah berjaya menjalin hubungan yang lebih erat dan bermakna antara kepimpinan politik dan ahli perniagaan Malaysia dan negara Islam itu.

Perdana Menteri Berkata beliau yakin lawatan itu akan membuka laluan bagi kerjasama yang lebih lagi antara kedua-dua negara dalam bidang perdagangan dan pelaburan serta juga bidang penyelidikan dan pembangunan.

"Ahli-ahli perniagaan Saudi telah menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh kepada cadangan saya supaya mereka jadikan Malaysia sebagai pintu masuk untuk mengambil guna dari peluang-peluang yang luas dalam ekonomi Asean," kata beliau kepada wartawan Malaysia di sini sebelum mengakhiri lawatan beliau dengan mengerjakan Umrah di Mekah, kira-kira 1,000km dari sini malam tadi.

Kata beliau adalah lojik bahawa ahli-ahli perniagaan negara yang kaya dengan minyak ini menggunakan Malaysia sebagai batu loncatan bagi pengeluaran dan pengedaran produk mereka di Asean oleh kerana kedudukan strategik Malaysia yang terletak di tengah-tengah rantau ini dan hubungan baiknya dengan Arab Saudi.

Sebaliknya, Malaysia, kata beliau, boleh menggunakan pasaran Saudi untuk menjual produknya di Timur tengah.

Arab Saudi merupakan antara rakan dagang utama yang terbesar Malaysia di Asia Barat selepas Emirat Arab Bersatu. Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara meningkat 11 peratus kepada AS\$566.4 juta tahun lepas dan sebanyak 12.7 peratus setahun dalam tempoh lima tahun lepas.

Pada satu dialog dengan ahli-ahli perniagaan Saudi di sini semalam Dr Mahathir berkata hubungan antara Malaysia dan Saudi baik tetapi tidak berkembang, hanya berkisar kepada pertalian agama, walaupun terdapat potensi dan peluang yang banyak dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

"Lawatan ini, saya yakin, akan menjalinkan hubungan secara langsung antara pemimpin-pemimpin kedua-dua negara dan akan menghasilkan kerjasama yang lebih lagi termasuk dalam bidang perdagangan dan pelaburan," kata beliau.

Dr Mahathir, yang turut diiringi oleh empat menteri, pengerusi DRB/Hicom Tan Sri Yahya Ahmad dan pengerusi MAS Tan Sri Tajuddin Ramli, telah diberi layanan tertinggi Arab termasuk mengadap dan berbincang dengan Raja Fahd Abdul Aziz dan Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz di sini semalam.

"Raja Saudi telah menunjukkan minat bersungguh-sungguh supaya negaranya dan Malaysia menjalinkan hubungan yang lebih erat," kata beliau.

Raja Fahd, yang merupakan penjaga kepada dua Masjid Suci, ingin mengetahui mengenai kemudahan perjalanan antara Malaysia dan Saudi, kata Perdana Menteri.

Perkara itu juga dibangkitkan dalam perbincangan antara beliau dengan pegawai-pegawai tinggi Saudi dan juga antara Tajuddin dan rakan sejawatan Saudinya.

Dr Mahathir berkata jadual penerbangan dua kali seminggu antara kedua-dua negara sekarang difikirkan tidak mencukupi.

Kata beliau kekurangan usaha merupakan sebab bagi hubungan pelaburan antara Malaysia dan Saudi tidak berkembang sejak beberapa tahun.

Terdapat sedikit pelaburan Saudi di Malaysia berikutan dengan satu seminar pelaburan di Kuala Lumpur 10 tahun lepas tetapi tidak ada tindakan

seterusnya selepas itu, kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun tidak ada projek-projek usahasama tertentu yang dibincangkan, pada dasarnya lebih banyak lagi usahasama akan diadakan kerana terdapat potensi yang luas di Saudi dan peluang yang banyak di Malaysia.

Perdana Menteri berkata beliau gembira kerana mendapat peluang melawat Arab Saudi untuk melihat keadaan pembangunan yang sedang berlaku di negara itu.

Arab Saudi, selain dari merupakan pengeluar minyak terbesar yang kedua selepas Amerika Syarikat, sekarang juga merupakan pengeksport gandum yang utama dan telah mencapai kemajuan dalam penyelidikan pertanian.

Negara beraja ini, yang penduduknya berjumlah 17.5 juta dan sedang bertumbuh dengan kadar 3.5 peratus, juga telah memulakan proses perindustrian bagi mempelbagaikan ekonominya terutamanya dalam bidang telekomunikasi dan elektronik di samping industri yang berasaskan minyak.

Tahun lepas Saudi mencatatkan pertumbuhan 6 peratus dalam KDNKnya dalam bidang bukan berasaskan minyak dan industri dalam bidang itu mencapai jumlah eksport sebanyak AS\$4,000 juta pada tahun yang sama.

Dr Mahathir berkata besar kemungkinan Malaysia dan Saudi akan bekerjasama dalam industri petrokimia memandangkan negara Arab itu mempunyai banyak pengalaman dan juga kemudahan dalam bidang ini.

Kata beliau Malaysia juga berminat untuk menggunakan beberapa kemudahan Arab Saudi dalam bidang latihan dan pendidikan.

Secara tidak langsung kuota bilangan penunai haji juga dibangkitkan dalam perbincangan antara Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin Saudi bagi memberi laluan kepada ramai rakyat Malaysia yang telah menempah untuk menunai haji menjalankannya secepat mungkin.

Dr Mahathir berkata kerajaan Saudi terikat dengan dasar yang dipersetujui oleh Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) yang menetapkan hanya satu peratus dari jumlah penduduk sesebuah negara Islam diberi visa haji setiap tahun.

Tetapi, kata beliau, kerajaan Saudi belum membuat sebarang keputusan mengenai permintaan Malaysia.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini dari Jeddah, kira-kira 75km dari Mekah selepas membuat satu pusingan Umrah lagi dan sembahyang Zohor di Masjidil Haram. -- BERNAMA

ZKS WAT